Utusan Borneo: 03 November 2026

Wanita asing tampar doktor didenda RM2,000

SIBU: Seorang wanita warga Vietnam didenda RM2,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menampar seorang doktor di Hospital Sibu.

Ho Thi Thanh Tuyen mengaku bersalah di hadapan Majistret Oon Kork Chern atas pertuduhan mengikut Seksyen 332 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap seorang doktor wanita, 30, ketika mangsa sedang menjalankan tugasnya.

Tertuduh kemudian dibenarkan bebas setelah membayar denda tersebut.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu kira-kira jam 1.30 pagi pada 10 September lalu di Jabatan Kecemasan hospital berkenaan.

Menurut fakta kes, tertuduh menampar pipi kiri doktor berkenaan selepas doktor itu menghalangnya daripada menggunakan saluran bekalan oksigen yang dipasang pada dinding di hospital berkenaan secara tidak wajar.

Tertuduh kemudian meninggalkan Jabatan Kecemasan tersebut selepas insiden berkenaan.

Kejadian itu disaksikan oleh seorang individu lain yang berada di tempat kejadian manakala doktor berkenaan mengalami bengkak serta kecederaan tisu lembut pada bahagian pipi kirinya akibat tamparan tersebut.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.